

MPA umum kontrak Fasa 2 Terminal Tuas bernilai \$1.46b

PENGUASA Kelautan dan Pelabuhan Singapura (MPA) mengumumkan penandatanganan kontrak Fasa 2 Terminal Tuas di Persidangan Teknologi Maritim Singapura (SMTC) semalam.

Kontrak \$1.46 bilion itu telah di-anugerahkan kepada konsortium penggalan gergasi Belanda, Boskalis, Syarikat Pembinaan Penta Ocean dan Syarikat Pembinaan & Kejuruteraan Hyundai.

Projek tersebut akan merangkumi penggalian tapak asas Tuas, pembinaan struktur dermaga dan penambakan tanah seluas 387 hektar yang akan dibatasi tembok *cassion* sepanjang 9.1 kilometer.

Pembinaan Fasa 2 itu akan bermula pada masa akan datang, tetapi ia dijadualkan siap pada pertengahan tahun 2020-an, kata MPA.

MPA juga berkata lebih 70 pera-

tus Fasa 1 Terminal Tuas telah siap kini.

Apabila keseluruhan Terminal Tuas selesai dibina, ia akan mempunyai keupayaan menampung sehingga 65 juta TEU (Unit Bersamaan Dua Puluh kaki) setiap tahun.

Di SMTC itu, MPA juga menandatangani memorandum persefahaman (MOU) dengan Keppel Offshore & Marine (Keppel O&M) dan Pusat Teknologi untuk Luar Pesisir dan Marin, Singapura (TCOMS) bagi membangunkan kapal autonomi bersama.

Kapal autonomi ini akan digunakan untuk operasi pelabuhan seperti penyaluran, *berthing*, tambatan dan operasi menunda.

Keppel O&M akan menggunakan program pemantauan dan analisis kapal jarak jauh, Vessel-Care, sebagai wadah asas.

Program tersebut dapat melakukan penyatuan data, pemantauan dan penyelenggaraan berdasarkan keadaan, pertambahan dan analisis kapal.

MPA juga menandatangani MOU dengan kumpulan teknologi Finland, Wartsila, untuk mempromosi pembangunan teknologi maritim dan memperbaharui MOU lain dengan Majlis Penyelidikan Norway bagi penyelidikan dan pembangunan maritim, pendidikan serta latihan.

Ini menandakan penggal ketujuh di antara kedua pertubuhan itu dan penggal tersebut akan berlangsung selama tiga tahun hingga 2021.

MPA juga menandatangani memorandum dengan lapan kumpulan pengelompokan untuk membangunkan Hab Data Maritim Singapura yang akan berfungsi sebagai wadah

repositori dan gabungan sehati pusat untuk masyarakat maritim di sini.

Ia juga menganugerahkan Dana Inovasi dan Teknologi Maritim (MINT) kepada konsortium ST Electronics dan penyedia penyelesaian pengawasan maritim Norway, Kongsberg Norcontrol, bagi program inovatif sistem pengurusan lalu lintas kapal seterusnya (NGVT-MS).

Di samping itu, NUS Enterprise, cabang keusahawanan Universiti Nasional Singapura (NUS) yang juga merupakan rakan kongsi MPA, turut menandatangani MOU dengan PortXL untuk membangunkan ekosistem inovasi maritim Singapura.

Sejumlah tujuh perjanjian ditandatangani di SMTC semalam yang melibatkan MPA serta rakan kongsi tempatan dan antarabangsa.